

## **Pluralisme: Etnisiti Sabah dan Sarawak**

### **ABSTRACT**

Buku ini adalah sebagai penghargaan sempena persaraan wajib Profesor Ismail Ibrahim, Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah yang bersara pada 5 April 2016. Buku ini tidak akan menjadi kenyataan sekiranya tidak mendapat sokongan padu daripada rakan-rakan akademik kami di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah, Universiti Teknologi MARA Kampus Sarawak dan Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak. Kami percaya bab-bab dalam buku ini akan menambahkan lagi korpus yang berkaitan dengan etnik Sabah dan Sarawak. Syabas dan terima kasih kepada semua penulis yang telah bersusah payah menyelidik dan menyumbangkan hasil tulisan masing-masing. Kami mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah dan Timbalan-Timbalan Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah atas sokongan dan dorongan mereka dalam penerbitan buku ini. Ucapan penghargaan juga diberikan kepada Penerbit Universiti Malaysia Sabah yang sudi menerbitkan buku ini. Tidak lupa, pakar bidang yang telah dilantik untuk menilai makalah-makalah yang telah dijadikan bab dalam buku ini dan juga anggota kumpulan pelaksana Fakulti Psikologi dan Pendidikan yang turut menyumbang kepada penerbitan buku ini.